



# Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturut-turut dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



## AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025

### YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

### TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

### SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

### PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

### BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

### PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun (017-682 4772)

### BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | Ketua

Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)

Cik Siti Zaiton Borham

### BIRO EKONOMI

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar (019-713 1743) | Ketua

Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)

En. Muhamad Saad Sulaiman

Puan Faridah Hussein

En. Abdul Hadi Othman

En. Othman Adon

### BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani (019-731 0674) | Ketua

Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)

Puan Abrizah Abd. Rahim (017-700 1600)

Puan Ramlah Husin (019-780 0244)

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

### BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismaal Samat (012-707 8574) | Ketua

Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

SKUDAI | 9 November 2023

## PROGRAM GOTONG ROYONG DAPUR MASJID SULTAN ISMAIL UTM

Persatuan Pesara UTM bersama 40 orang sukarelawan UTM dan staf Masjid Sultan Ismail berganding bahu menjayakan program gotong-royong pembersihan dan kemasan alatan dan dapur Masjid Sultan Ismail UTM. Program gotong-royong ini dianjurkan sebagai satu inisiatif memastikan keberadaan alatan dan dapur masjid berada pada tahap mampu dan siap sedia berperanan menjayakan aktiviti bersama pelajar yang diadakan saban minggu.

Encik Roslan Abd. Ghani yang juga merangkap Setiausaha PESUTM turut bersama sukarelawan UTM dan staf Masjid Sultan Ismail dalam program gotong-royong pembersihan dan kemasan dapur masjid ini yang telah berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi.

Ustaz Mahyuddin Md Sarip, Pegawai Hal Ehwal Islam Masjid Sultan Ismail selaku ketua program telah merasmikan program gotong-royong ini dengan mengalu-alukan penyertaan semua para sukarelawan yang sanggup memberikan khidmat memerah keringat, tenaga dan masa semata-mata memastikan program ini berjaya dijalankan sebagaimana direncanakan. Bahkan menurut Ustaz Mahyuddin lagi dengan sokongan dan komitmen padu para sukarelawan UTM kepada program-program yang dianjurkan masjid, sudah pasti pengurusan program masjid menjadi lebih berkesan, mudah dan lebih lancar dilaksanakan. Selain itu, Ustaz Mahyuddin menyatakan bahawa para pesara turut dialu-alukan untuk menyertai sebarang program kesukarelawanan pada masa akan datang. Program tamat dengan semua sukarelawan dihidangkan makan tengah hari.

Berita PESUTM merakamkan ucapan tahniah kepada Team UTM Prihatin, Sukarelawan Staf UTM, Pusat Islam Masjid Sultan Ismail UTM atas khidmat bakti yang diberikan demi memastikan kemurahan rezeki dapat dinikmati dan dirasai bersama oleh insan lain.



